

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini pada dasarnya merupakan satu pengkajian yang agak mencabar abiliti dan kredibiliti. Ini memandangkan kajian yang dibincangkan ini tidak keterlaluan jika dikatakan sebagai satu fenomena baru di Malaysia pada hari ini. Begitu, kajian ini amat menarik untuk dibincangkan dan tidak lagi sekadar menjadi *tesaurus* (khazanah) dalam perbendaharaan ilmu fiqh yang pro dan kontra. Kajian ini memfokuskan secara khususnya sejauhmanakah keharusan atau larangan terhadap *Operasi Berani Mati Syahid Menurut al-Siasah al-Syar'iyah*.

1.2 Masalah Kajian

Pada umumnya, asas kajian ini adalah berdasarkan kepada teori dan prinsip siasah syar'iyah sebagai satu sistem metodologi hukum dan hak ijtihad di kalangan ulama dan umara dalam sesebuah negara Islam atau pemerintahan Islam yang mengharuskan pelaksanaan jihad (*fi sabilillah*) di jalan Allah menerusi serangan berani mati.

Kajian ini turut menyorot kembali perundangan jihad menerusi serangan berani mati sebagai satu landasan pengkajian. Ini termasuklah definisi OBM, hukum

pensyariatannya, syarat-syarat, kelebihan, metod-metod pelaksanaan dan hubungan jihad dengan pelaksanaan OBM.

Penekanan terhadap masalah kajian yang utama adalah apakah status OBM yang benar benar mencapai status hukum syahid di kalangan umat Islam yang melaksanakannya kesan terhadap tindakan kezaliman, penindasan dan penganiayaan oleh musuh-musuh Islam umpamanya rejim Zionis Yahudi.

Pengkajian ini juga, dikaitkan sebagai serpihan jihad *fi sahilillah* terutamanya secara operasi yang melibatkan organisasi negara seperti tentera. Malah ia dapat menangkis kekeliruan dan penyelewengan terhadap intepretasi negatif dengan mengaitkan sebagai unsur keganasan terhadap pelaksanaan OBM.

Oleh yang demikian, dengan adanya kajian yang telus seumpama ini, akan memartabatkan nilai sebenar erti OBM dalam Islam dan menolak penyamaan taraf operasi "kamikaze"¹ yang sangat popular di kalangan tentera-tentera udara Jepun semasa perang dunia ke II pada antara tahun 1940-1945 dan kumpulan Pemisah Harimau Tamil Aelam di Sri Langka ditubuh oleh Vellupillai Prabakaran tahun 1976.

¹ Lihat Joyce M. Hawkins (1997), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Inggeris – Melayu, Melayu – Inggeris, Shah Alam: Fajar Bakti SDN. BHD., c 2, h. 215. Petikan asalnya ialah (Di dalam Perang Dunia Kedua) juruterbang Kamikaze (berani mati); pesawat Kamikaze.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ilmiah dan akademik ini penting untuk menghasilkan satu kajian subjektif. Walaupun persoalan ini telah dibincangkan sebelum ini secara umum, namun persoalan OBM menurut siasah syar'iyah ini adalah lebih penting untuk dibuat kajian atau analisis kerana selain menampilkan pandangan pro dan kontra, ia juga berkaitan dengan hukum dan akidah umat Islam pada abad 21 ini.

Di samping itu, kajian mengenai OBM yang bersifat ilmiah dan akademik sangat diperlukan pada masa kini. Kebiasaannya, pandangan ulama tentang OBM hanya membahaskan secara fiqh sahaja. Justeru itu, pandangan seumpama ini melahirkan pendapat yang pro dan kontra sehingga menemui jalan penyelesaian bagi memastikan kedudukan OBM sama ada sebagai mati syahid (*istisyhād*) atau bunuh diri (*intiḥār*) dan seterusnya hukum pelaksanaannya.

Masih ramai lagi masyarakat Islam yang masih keliru dan tidak mengetahui apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan OBM atau serangan berani mati dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syarak. Mereka juga tidak mengetahui apakah sebab atau punca pelaksanaannya dilaksanakan terutamanya terhadap pihak Barat.

Semua ini memerlukan kepada satu perbincangan yang lebih khusus agar dapat difahami dan mudah dihayati oleh semua lapisan masyarakat Islam mahupun

yang non Islam. Ia sekaligus dapat menangkis dakwaan-dakwaan yang negatif dan kekeliruan yang menyelubungi fikiran terhadap kesucian jihad menerusi pelaksanaan OBM.

Penulisan ini juga, akan memberi manfaat terutamanya kepada para pengkaji ilmu jihad khususnya, di samping ia memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai umumnya. Selain ianya menjadi aset penting kepada kekuatan ummah, ia juga dapat membezakan antara status syahid atau bunuh diri atau keganasan agar maruah umat dan agama Islam tidak tercemar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini sudah tentu memiliki objektifnya yang tersendiri. Antara objektif-objektifnya adalah seperti berikut :

1.4.1 Merumus dan mencari pendekatan sebenar bertepatan, kefahaman dan konsep jihad *fi sabilillah* menerusi OBM di kalangan mereka yang berjuang dan gugur kerana Allah serta mencapai status mati syahid.

1.4.2 Memberi kesedaran dan membuka ufuk pemikiran (أفق الفكر) serta menolak spekulasi dan provokasi negatif (لدفع البروكاسي السلبي) yang ditimbulkan bahawa Islam melahirkan generasi penganas, militan, terroris, ekstremis, fanatik melampau oleh segelintir masyarakat seantero dunia tentang permasalahan kajian.

1.4.3 Menyemai semangat jihad yang betul dan mempertingkatkan pengetahuan berdasarkan siasah syariyyah mengikut keutamaannya.

1.4.4 Memperlihatkan kepada masyarakat natijah dan kesan OBM ini telah meninggikan martabat jihad dan kesucian Islam sekalipun berlaku kehancuran dan kemusnahan pada pemikiran umumnya.

1.4.5 Melihat sejauh manakah asas siasah syar'iyah sebagai satu sistem metodologi hukum dan hak ijtihad pemerintah dalam membenarkan pemakaian dan pengamalan OBM sebagai suatu tindakan terakhir bagi kemaslahatan agama, jiwa dan maruah umat Islam, sekaligus memahami realiti semasa atau *fiqh waqi'*².

1.5 Hipotesis

Hipotesis ialah saranan sementara bagi menyelesaikan fenomena yang dikaji atau saranan sementara bagi menyelesaikan masalah.³ Justeru, hipotesis terhadap kajian ini bahawa jihad di jalan Allah (*fi sabilillah*) menerusi pendekatan serangan berani mati adalah suatu pelaksanaan yang diharuskan menurut teori dan prinsip siasah syar'iyah di kalangan umat Islam sebagai satu mekanisme terakhir dalam perjuangan menentang musuh dan dianggap sebagai mati syahid.

² Annuar Salleh (2000), *Konsep Siasah Syar'iyah Dalam Harakah Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Teras Bakti, h. 43.

³ Mohd Majid ~~Konung~~ ^{Konting} (1988), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c.4, h. 37.

1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini, akan dibincangkan asas-asas jihad menerusi OBM atau serangan berani mati sebagai satu kajian secara umumnya. Ini termasuklah perkara yang meliputi pendefinisian, dalil-dalil pensyariatan dari al-Quran, faktor-faktor pelaksanaan, hukum-hukum dan syarat-syaratnya. Pengkajian ini juga, amat penting untuk dinilai berdasarkan siasah syar'iyah yang sememangnya menjadi mekanisme syarak dalam menangani kemaslahatan umat Islam seluruhnya, lebih lebih lagi perkara berhubung serangan berani mati yang dianggap sebagai serpihan jihad *fi sabillillah* iaitu jihad di jalan Allah sebagai pilihan terakhir dalam perjuangan.

Malah, penumpuan utama skop kajian ialah persoalan mengenai OBM menurut perspektif siasah syar'iyah yang bermaksud penyelidikan atau kajian berdasarkan analisis-analisis (artikel-artikel) serangan berani mati oleh umat Islam umpamanya rakyat Islam Palestin terhadap ancaman, penindasan, kezaliman dan penganiayaan serta pembunuhan oleh musuh-musuh Islam ke atas masyarakat Islam oleh rejim Zionis Yahudi Israel dan status kematiannya yang dianggap sebagai syahid. Skop kajian ini, turut mengkategorikan beberapa bentuk peoperasian yang lain supaya dapat dinilai yang mana satukah dikatakan mati syahid atau bunuh diri yang sebenarnya dari sudut konsep dan matlamat pelaksanaannya.

Melalui perbincangan ini juga, ia turut memperincikan pembahagian, perbezaan antara serangan berani mati dan operasi lain seperti operasi *kamikaze*

ataupun bunuh diri di kalangan puak Pemisah Harimau Tamil Aelam. Kajian ini juga, turut akan membawa perbincangan yang menyentuh bentuk-bentuk atau metod-metod serangan berani mati yang dilakukan dengan mengambil kira realiti semasa.

Bahkan dalam skop kajian ini, dijelaskan implikasi pelaksanaan serangan berani mati ke atas negara Islam yang lain di mana majoriti penduduknya penganut agama Islam atau di negara bukan Islam oleh minoriti penduduknya yang beragama Islam serta saranan-saranan kepada pihak tertentu.

1.7 Sorotan Literatur / Kajian Yang Lepas

Umumnya, setakat penelitian terhadap serangan berani mati belum pernah dikaji sama ada peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Namun apa yang diperhatikan ~~secara~~ terdapat beberapa penulisan yang hampir ada kaitan dengan tajuk ini dalam analisis tajuk kecil atau artikel. Di antaranya ialah:

Penulisan dalam bentuk buku fatwa berhubung kedudukan Serangan Berani Mati sama ada diharuskan atau tidak dan lebih menjuruskan kepada perbahasan pro dan kontra oleh sarjana Islam silam dan kontemporari mengikut kaedah fiqh seperti yang dinyatakan dalam buku fatwa⁴ (*حكم العمليات الاستشهادية والرد على المغالطات*) (*والتحريفات*) *Hukm Amaliyyāt al-Istishādiyyah wa Rad alā al-Mughālaṭāt wa Taḥrīfāt* yang diterbitkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Jordan, Kementerian Zakat dan Hal

⁴ Rujuk Majmū'ah min al-'Ulamā' (1996), *Hukm al-'Amaliyyāt al-Istishādiyyah wa Rad 'alā al-Mughālaṭāt wa al-Taḥrīfāt*, Ammān, Jordan: Majmū'ah min al-'Ulamā, h. 54 – 73.

Ehwal Islam, Amman Jordan pada tarikh 7hb. Mac 1990 di bawah perkara 3/1990. Buku fatwa ini menampilkan beberapa hujah al-Quran dan al-Hadith serta perbincangan terhadap keharusan pelaksanaan serangan tersebut. Ia turut ditandatangani oleh para anggota majlis fatwa malah dari sudut autoriti fatwa tersebut adalah sah dan diperakui keputusannya.

Penulisan kajian tesis Doktor Falsafah yang telah dibuku dan diterbitkan secara komersil, di bawah tajuk kecil hukum dan perbezaan antara Serangan Berani Mati yang diklasifikasikan sebagai syahid (الاستشهادية) atau bunuh diri (الانتحارية) yang dibahaskan oleh Dr. Muḥammad Khir Haikāl⁵ di dalam bukunya yang bertajuk (الجهاد والقتال في السياسة الشرعية) *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siasah al-Syar'iyyah* dan mengaitkannya dengan konsep perisai manusia sebagai bandingan yang paling hampir terhadap serangan tersebut. Beliau telah mendatangkan beberapa hujah dan pandangan sarjana Islam silam berhubung konsep *al-tatarrus* (perisai manusia) sebagai satu landasan terhadap keharusan pelaksanaannya.

Penulisan kajian Dr. Nawāf al-Taqrūn⁶ bertajuk *al-'Amaliyyah al-Istishādiyyah fī Mizāni al-Fiqhi* (العملية الإستشهادية في ميزان الفقه) telah dimuatkan pandangan pro dan kontra dari sudut fiqh. Ia turut mengemukakan beberapa hujah dari al-Quran dan

⁵ Rujuk Dr. Muḥammad Khir Haikāl (1996), *Al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siasah al-Syar'iyyah*, c 2, Beyrūt: Dār al-Bayāriq; h. 1399-1409.

⁶ Rujuk Dr. Nawāf al-Taqrūn (1999), *Al-'Amaliyyah al-Istishādiyyah fī Mizāni al-Fiqhi*, Beyrūt: Dār al-Fikr.

al-Hadith, perbincangan terhadap hujah, serta dikuatkan oleh beberapa fatwa ulama secara peribadi terhadap keharusan pelaksanaan serangan berani mati dalam Islam.

Kajian disertasi Ijazah Sarjana oleh Mustafa bin Abdullah⁷ bertajuk Konsep Jihad Dalam al-Quran. Kajian beliau lebih menjurus kepada kedudukan jihad dan kelebihan syahid dalam Islam serta konsep amar makruf adalah satu bentuk jihad. Namun begitu beliau tidak menyentuh secara langsung berhubung serangan berani mati di dalam penulisannya.

Kedapatan penulisan mengikut disiplin ilmu iaitu dengan memulakan pandangan sarjana Islam silam secara khusus di kalangan ulama mazhab Ḥanafī, Mālikī, Syāfi'ī dan Ḥambalī berhubung serangan Berani Mati seperti tajuk *Legalitas Hukum Syari'at atas Operasi Syahada di Bumi Palestina*.⁸ Ia turut memuatkan beberapa perbincangan dan perbahasan berhubung masalah kajian di samping pentarjihkan keharusan pelaksanaannya.

Sehubungan dengan itu, penulisan kajian yang dilakukan ini lebih menjurus kepada satu pendekatan yang berbeza kerana selain ianya menampilkan perbahasan pro dan kontra kaedah fiqh perbandingan, mengikut disiplin ilmu iaitu dimulakan dengan mazhab Ḥanafī, Maliki, Syāfi'ī dan Ḥambalī dalam pentarjihan; Bahkan lebih daripada itu, kajian ini lebih terkini kerana digabungkan pandangan dan komentar

⁷ Rujuk Mustafa bin Abdullah (1995), *Konsep Jihad Dalam Islam*, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁸ Lihat *Legalitas Hukum Syari'at atas Operas Syahada di Bumi Palestina* dalam internet iaitu <http://www.palestina-info-Melayu.net/hukum%20islam/bom%syahadah.htm>.

para sarjana Islam silam dan kontemporeri di samping ianya diberikan nafas baru dalam dunia penyelidikan disertasi menurut perspektif teori dan prinsip siasah syar'iyah sebagai satu sistem metodologi hukum dan hak ijihad pemerintah dalam sesebuah negara Islam.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi berasal dari perkataan Yunani (Latin) iaitu '*methodus*' yang bermaksud cara dan '*Logos / logia / Logy*' yang bermaksud '*the process, techniques or approaches employed in the situation of a problem or in doing something*'.⁹ Imam Barnadib pula mendefinisikan metodologi sebagai ilmu tentang mengadakan penelitian.¹⁰

Pada asasnya, penyelidikan yang dilakukan mempunyai dua jenis penyelidikan iaitu Penyelidikan Perpustakaan (*Library Reasearch*) dan Penyelidikan Lapangan (*field Reasearch*). Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mendapatkan data atau maklumat yang diperlukan untuk membuat laporan penyelidikan. Namun begitu, berdasarkan tajuk disertasi ini iaitu "*Operasi Berani Mati Syahid Menurut al-Siasah al-Syar'iyah*" atau bermaksud serangan, ianya adalah lebih kepada penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

9 A. Merriam-Webster (1961), *Webster's Third New International Dictionary by G. & Merriam*, Great Britain: London, h. 1331 dan 1423.

10 Imam Barnadib (1982), *Erti dan Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIK-IKIP, h. 516.

Dalam menjalankan penyelidikan ini, penulis telah menggunakan dua metod utama di dalam proses untuk mengumpulkan data dan menganalisis fakta-fakta kajian. Metod-metod utama tersebut adalah seperti berikut :

i) Metod Pengumpulan Data

ii) Metod Analisis Data

a. Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data adalah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan seterusnya menafsirkan data-data tersebut. Bagi tujuan ini, digunakan beberapa metod untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dari beberapa sumber sama ada dari sumber primer (al-Qurān) atau skunder (al-Hadīth). Data-data ini, akan disusun dengan sistematik agar kajian yang dijalankan akan mendatangkan hasil dan nilai yang bermutu.

Berikut penulis akan mengemukakan metod-metod yang akan digunakan untuk mengumpul data :

i. Metod Dokumentasi

Penggunaan metod ini, lebih menjuruskan kepada kaedah pengumpulan data-data, maklumat-maklumat dari buku-buku yang memperkatakan tentang jihad, buku fatwa, majalah-majalah, analisis-analisis, artikel-artikel, jurnal, ensiklopedia, risalah akhbar, tesis dan sumber internet sama ada dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris. Petunjuk utama dalam penyelidikan ini adalah buku-buku yang ditulis oleh orang yang berkepercayaan (*authorised personnel*) dalam bidang yang dikaji. Di samping itu juga, penulis turut melakukan pengumpulan pendapat di kalangan tokoh ulama dan intelektual Islam dari dalam dan luar negara termasuk Orientalis Barat.

Antara perpustakaan yang digunakan di dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut :

- i) Perpustakaan Kementerian Pertahanan Malaysia.
- ii) Perpustakaan Kor Agama, Angkatan Tentera Malaysia.
- iii) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- iv) Perpustakaan Awam, Pusat Islam.
- v) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.

Melibatkan rujukan buku-buku dan majalah-majalah berhubung dengan jihad dan peperangan dalam Islam seperti dalam perbincangan Sorotan Literatur.

ii. Metod Sejarah (*Historis*)

Penggunaan metod ini bermaksud satu proses untuk menentukan datanya adalah pendapat yang tepat mengenai kajian yang dilakukan. Penggunaan metod ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang ada hubungkait terhadap kajian¹¹ yang dibuat. Perkara ini, akan dihalusi dalam menganalisis sejarah agar ia benar-benar berasaskan sumber yang tepat. Ini memandangkan banyak fakta-fakta sejarah yang diragui kebenarannya. Perkara ini timbul akibat wujudnya perbezaan catatan terhadap sesuatu peristiwa.¹²

Analisis sejarah yang dimaksudkan ialah sejarah peperangan di kalangan sahabat baginda nabi s.a.w dan peristiwa yang ada persamaan maksud dengan pelaksanaan serangan berani mati seperti Sirah al-Nabawiyah oleh Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī termasuk kitab tafsir seperti al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān oleh al-Qurṭūbī dan al-Hadith Subul al-Salām oleh al-Ṣan'ānī.

¹¹ Wima Surachmad (1970),(Prof.), *Dasar dan Teknik Rasearch Pengantar Metodologi Ilmiah*, Bandung: C.V Tarsito, h. 123.

¹² Imam Bamadib (1982), *Erti dan Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIK-1KIP, h. 52.

iii. Metod Temubual

Metod Temubual (*interview*) adalah metod untuk mendapatkan data, maklumat dan fakta-fakta kajian melalui kaedah temubual. Metod ini dilakukan secara sistematik, akademik, teratur dan berencana di mana dua orang atau lebih secara fizikal dan berhadapan dan masing-masing menggunakan saluran komunikasi secara wajar dan lancar. Metod temubual ini, dilakukan setelah mengambil kira kesukaran untuk mendapatkan bahan bertulis dan sebagainya. Ini disebabkan ia adalah suatu isu yang agak sukar dan kurang diperbincangkan.

Namun begitu, mutakhir ini, ramai di kalangan sarjana Islam yang berwibawa dalam dan luar negara serta Orientalis Barat secara terbuka telah membincangkan isu ini dengan panjang lebar dalam persidangan dan seminar tertentu di Malaysia. Kesempatan ini, telah dimanfaatkan dengan mengikuti perkembangan semasa aktiviti mereka, di samping mendapatkan pandangan dengan mengajukan soalan tertentu serta menerusi telefon berkaitan dengan kajian yang sedang dilakukan. Peluang temubual ini telah memberi kesan dan hasil yang cukup baik sekali bagi menambahkan lagi kualiti kajian.

Beberapa tokoh agama Islam dan bukan Islam serta ahli politik turut ditemubual tanpa mengambilkira apakah ideologi atau latarbelakang pemikiran mereka bagi mendapatkan pandangan dan pendapat mereka yang segar, telus dan bebas terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian agar maklumat yang

didapati benar-benar boleh dirujuk dan berkualiti.

b. Metod Analisis Data

Setelah semua data yang diperlukan dikumpul melalui metod-metod di atas, penulis akan menjalankan analisis terhadap data tersebut melalui beberapa metod. Pada peringkat ini, penulis akan melihat beberapa hubungkait antara data dan fakta yang berlaku, sebab musabab sesuatu perkara dan sebagainya. Seterusnya dibuat beberapa kesimpulan terhadap data-data tersebut.

Pada peringkat ini, penggunaan metod-metod adalah seperti berikut :

- i. Metod Induktif

- ii. Metod Deduktif

- iii. Metod Komparatif

i. Metod Induktif

Pendekatan ini bermaksud satu cara menganalisis data melalui cara berfikir untuk mencari bukti dan keterangan dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada

dalil-dalil yang bersifat umum.¹³ Metod ini akan dihuraikan gaya pelaksanaannya dalam membahaskan teori siasah syar'iyah dalam bab kedua nanti.

ii. Metod Deduktif

Pendekatan ini bermaksud cara menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola berfikir bagi mencari pembuktian dan menggunakan dalil-dalil umum terhadap dalil-dalil yang khusus.¹⁴ Metod ini akan digunakan dengan meluas dalam membincangkan bab ketiga, keempat dan kelima.

iii. Metod Komparatif

Pendekatan ini bermaksud proses penelitian hubungan lebih daripada satu fenomena dengan menunjukkan persamaan dan perbezaan yang didapati bagi membuat kesimpulan atau keputusan dengan melakukan perbandingan secara adil terhadap beberapa data yang diperolehi supaya keputusan atau kesimpulan yang dibuat adalah tepat dan betul serta telus terutamanya juga dalam bab keempat dan kelima.

¹³ Koentjaningrat (1977), *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta : P.T Gramedia, h. 52.

¹⁴ *Ibid.*, h. 52

1.9 Huraian Istilah

Terdapat dua huraian utama iaitu *Operasi Berani Mati* (OBM) dan *Syahid*. Pada dasarnya istilah *Operasi* diterjemahkan sebagai melakukan gerakan tentera atau polis, bergerak, bertindak, beraksi, berperang,¹⁵

Istilah *Berani* pula diterjemahkan sebagai tetap hati, tabah hati menghadapi bahaya, tabah hati menghadapi kesulitan, tidak gentar, cekal hati...¹⁶

Istilah *Mati* diterjemahkan sebagai menghembus nafas yang akhir/terakhir, menghembus nafas yang penghabisan, meninggal dunia, bertemu dengan maut, menutup mata, wafat, hilang hayat, hilang jiwa, hilang nyawa...¹⁷

Manakala istilah *Syahid* diterjemahkan sebagai mati berdarah, mati terbunuh, mati dalam perang sabil¹⁸ atau orang-orang yang terkorban dalam peperangan *fi sabīlillah* [di jalan Allah] melawan pihak musuh.¹⁹

Justeru itu, ia (Operasi Berani Mati Syahid) merupakan suatu kajian berhubung dengan serangan berani mati dan status kematiannya dari segi hukum

¹⁵ Haji Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: KUM. SDN BHD, h. 1231.

¹⁶ *Ibid.*, h. 207.

¹⁷ *Ibid.* h. 1142.

¹⁸ *Ibid.*, h. 1231.

¹⁹ *Ibid.*, h. 272.

syarak menerusi konsep jihad *fi sabilillah* dalam Islam secara lebih komprehensif berdasarkan teori dan prinsip siyasah syar'iyah sebagai sistem metodologi hukum yang mengaitkan aspek syahid menerusi ijtihad para sarjana Islam silam dan kontemporari dalam pelaksanaannya di kalangan umat Islam. Di samping itu juga, ia perlu kepada mandat atau keizinan daripada pemerintah sesebuah negara Islam atau samada serangan tersebut dilaksanakan secara individu atau berkumpulan berbanding dalam bentuk operasi kerana ia terlibat kehendak dan polisi sebuah negara seperti di Iraq.

1.10. Sistematika Penulisan

Bagi memudahkan perbincangan, penulis telah membahagikan kajian ini kepada tiga bahagian iaitu :

1.10.1 Bahagian permulaan.

1.10.2 Bahagian isi atau teks.

1.10.3 Bahagian akhir.

Bahagian permulaan ini mengandungi tajuk, pengesahan, dedikasi, abstrak, penghargaan, transliterasi, singkatan ejaan dan daftar isi kandungan.

Bahagian isi atau teks pula terdiri daripada enam bab yang disusun secara sistematik iaitu bermula dari bab satu hingga bab enam. Garis kasar setiap bab tersebut adalah seperti berikut :

Bab pertama merupakan pendahuluan kepada pengkajian ini. Ia adalah gambaran secara kasar tentang kajian yang dilakukan. Ini meliputi latar belakang kajian, kepentingan kajian, tujuan dan objektif kajian, skop kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab kedua pula memperkatakan konsep dan definisi siasah dan politik dari sudut bahasa, istilah syarak dan perbezaan antara siasah dan politik. Siasah syar'iyah sebagai mekanisme yang menjana dinamisme pentadbiran dan pengurusan pemerintahan Islam, dalil-dalil pengsyariatan, syarat-syarat pemakaian dan keterikatan siasah syar'iyah, maqasid syarak dan kaedah-kaedah ijtihad menurut siasah syar'iyah sebagai satu sistem metodologi hukum dan hak ijtihad pemerintah.

Seterusnya di dalam bab ketiga membahaskan definisi jihad dari sudut bahasa dan istilah dan hubungannya dengan pelaksanaan OBM sebagai satu serpihan jihad *fi sabīlillāh* (di jalan Allah). Ia juga turut memperkatakan kelebihan jihad, faktor-faktor jihad serta hubungannya dengan OBM serta pembahagian syahid. Pembentukan peribadi jihad seseorang muslim melalui kesan aqidah dan jenis OBM dan metod-metod pelaksanaannya.

Ia juga memaparkan hujah dan dalil mereka yang menyokong serangan berani mati atau OBM seperti niat, perisai manusia (*al-tatarrus*), dan beberapa amalan para sahabat yang dapat dikesan pelaksanaannya dari segi maksud dan keputusan fatwa.

Seterusnya, bab keempat adalah lanjutan daripada bab ketiga dengan hujah dan dalil golongan yang menolak terhadap pandangan golongan pertama. Ia turut mendatangkan perbincangan dan perbahasan terhadap hujah masing-masing. Akhirnya, pentarjihan dari sudut hukum pelaksanaan OBM atau Serangan Pengebom Berani Mati Syahid (OSPBM).

Bab kelima adalah analisis terhadap pelaksanaan serangan OBM atau OSPBM ke atas umat Islam menurut asas-asas siasah syar'iyah sebagai mekanisme yang menjana kekuatan jihad melalui pelaksanaan serangan tersebut.

Manakala bab keenam merupakan bab terakhir mengandungi penutup, kesimpulan, implikasi pelaksanaan serangan berani mati ke atas negara Islam umpamanya Palestin, Malaysia dan negara Islam yang majoriti dan minoritinya adalah penganut agama Islam (negara Non Islam) dan seumpamanya. Saranan-saranan yang diutarakan kepada semua masyarakat, pihak kerajaan dan parti politik, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) dan lain-lain. Akhirnya, adakah ianya relevan digunapakai dalam situasi di Malaysia atau sebaliknya? Apakah jenis jihad yang relevan di Malaysia pada masa kini? Perbahasan ini perlu kepada penelitian

yang baik meandangkan persoalannya agak besar dan implikasinya juga adalah penting.

Bahagian terakhir sekali daripada bab-bab yang diperkatakan di atas sebentar tadi, mengandungi bentuk soalan temubual, senarai biografi panel yang ditemubual, senarai bibliografi buku-buku rujukan dalam Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia serta lampiran-lampiran bergambar dan peristiwa yang mempunyai kaitan dengan kajian. Ia juga turut memaparkan sorotan ancaman, kezaliman, penindasan, penganiayaan umpamanya oleh rejim Zionis Yahudi Israel ke atas masyarakat Islam Palestin, fatwa-fatwa yang mempunyai autoriti dari sudut pelaksanaan beserta pandangan sarjana Islam berhubung dengan OBM, aksi dan impak pelaksanaan oleh mereka yang terlibat dengan serangan dan statistik mereka yang telah gugur syahid menentang musuh Islam.

Paparan tandatangan yang diturunkan oleh para sarjana Islam dan juga ahli majlis fatwa umpama Mjalis Fatwa Kebangsaan Jordan adalah antara yang kukuh pendalilannya dalam mengesahkan serangan berani mati dan status hukum terhadap kematian pelakunya yang dianggap sebagai mati syahid dunia dan akhirat.

Akhirnya, penulis bersikap terbuka dan telus dalam menerima apa jua kritikan dan teguran yang membina atau sebarang penambahan demi kesejahteraan dan kebaikan ummah untuk mencapai keredhaan Allah. Kajian ini adalah semata-mata kajian akademik bagi menghuraikan permasalahan yang berlaku dan dalam pada masa

yang sama jihad tetap hidup sepanjang masa. Namun begitu kajian ini, sudah tentu mempunyai kelemahannya yang tersendiri .